

**PANDUAN PENUBUHAN  
JAWATANKUASA SIASATAN DALAMAN (JKSD)  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT)**

Jawatankuasa Siasatan Dalaman (JKSD) adalah satu kumpulan pegawai yang dilantik untuk **menyiasat kes/isu salah laku jenayah serta pelanggaran tata kelakuan dan etika yang melibatkan warga kerja agensi tersebut.**

**1. Rasional Penubuhan JKSD**

- i. Arahan daripada Ketua Jabatan berdasarkan isu salah laku warga kerja berhubung dengan penyelewengan, kerugian atau kehilangan wang/aset awam yang telah ditemui dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN);
- ii. Arahan daripada Ketua Jabatan berdasarkan aduan/maklumat yang diterima melalui sumber-sumber tertentu; dan
- iii. Arahan daripada Lembaga Tatatertib berdasarkan kes-kes tatatertib warga kerja yang memerlukan siasatan baru/lanjut.

**2. Urus setia JKSD akan melaksanakan tindakan-tindakan seperti berikut:**

- i. Mencalonkan Pengerusi dan ahli-ahli JKSD dengan keanggotaan sekurang-kurangnya seramai tiga (3) orang termasuk Pengerusi. Pengerusi hendaklah daripada gred jawatan yang lebih tinggi daripada pegawai yang disiasat. Ahli lain hendaklah daripada gred jawatan yang bersesuaian. Urus setia Tatatertib dan Ahli Lembaga Tatatertib tidak boleh dilantik sebagai ahli JKSD;
- ii. menyediakan Terma Rujukan (*Term of Reference* - TOR) berdasarkan kes/isu yang timbul. TOR akan digunakan oleh JKSD sebagai panduan dalam menjalankan siasatan;
- iii. memantau perjalanan JKSD dan melaporkan kepada Ketua Jabatan;
- iv. menerima, menyemak dan menyelaras Laporan JKSD yang disediakan oleh ahli JKSD sebelum dikemukakan kepada Ketua Jabatan untuk ulasan dan seterusnya kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam tempoh masa 45 hari selepas JKSD ditubuhkan; dan
- v. bagi mengekalkan ketelusan di dalam JKSD, urus setia tidak sewajarnya terlibat dalam perbincangan mengenai kes/isu serta penyediaan Laporan JKSD. Sehubungan dengan itu, **ahli-ahli JKSD adalah dipohon untuk menyediakan laporan mengikut bidang tugas/kepakaran masing-masing dan mengemukakan laporan tersebut kepada urus setia JKSD** bagi tujuan menyelaras dan memuktamadkan penyediaan Laporan JKSD tersebut.

Disediakan oleh :

Unit Integriti  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
13 Disember 2023



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

**LAPORAN JAWATANKUASA  
SIASATAN DALAMAN (JKSD)  
BERHUBUNG  
(TAJUK KES)**

**dd/mm/yyyy**

*\*Nota: Templat ini disediakan bertujuan sebagai panduan kepada Jawatankuasa Siasatan Dalaman (JKSD) untuk menyediakan pelaporan dan boleh diubahsuai serta ditambahbaik mengikut kesesuaian.*

**ISI KANDUNGAN**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>1.0</b>	Tujuan	
<b>2.0</b>	Latar Belakang Kes	
<b>3.0</b>	Penubuhan Jawatankuasa Siasatan Dalaman	
<b>4.0</b>	Terma Rujukan	
<b>5.0</b>	Kaedah Siasatan	
<b>6.0</b>	Penemuan Jawatankuasa Siasatan Dalaman	
<b>7.0</b>	Ulasan Jawatankuasa Siasatan Dalaman	
<b>8.0</b>	Syor Dan Cadangan Penambahbaikan	
<b>9.0</b>	Kekangan Dalam Melaksanakan Siasatan	
<b>10.0</b>	Kesimpulan	
<b>11.0</b>	Perkara-Perkara Lain Yang Hendak Dimaklumkan	
<b>12.0</b>	Perakuan Jawatankuasa Siasatan Dalaman	
<b>13.0</b>	Senarai lampiran/dokumen yang berkaitan	

**SULIT**

**LAPORAN JAWATANKUASA SIASATAN DALAMAN BERHUBUNG  
(TAJUK KES)**

**1. TUJUAN**

1.1. Sila nyatakan tujuan Jawatankuasa Siasatan Dalaman (JKSD) ini ditubuhkan.

**2. LATAR BELAKANG KES**

2.1. Sila nyatakan latar belakang kes meliputi kronologi, aduan-aduan yang telah diterima menerusi surat/emel, intipati utama aduan yang dikemukakan dan perkara-perkara lain yang berkaitan.

**3. PENUBUHAN JAWATANKUASA SIASATAN DALAMAN**

3.1. Sila nyatakan senarai ahli jawatankuasa meliputi nama, jawatan dan bahagian seperti contoh berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Nama</b>
1.	Pengerusi	Nama Jawatan Bahagian Kementerian Pendidikan Tinggi
2.	Ahli	Nama Jawatan Bahagian Kementerian Pendidikan Tinggi
3.	Ahli	Nama Jawatan Bahagian Kementerian Pendidikan Tinggi

## SULIT

Bil.	Jawatan	Nama
4.	Ahli	Nama Jawatan Bahagian Kementerian Pendidikan Tinggi
5.	Urus Setia	Nama Jawatan Bahagian Kementerian Pendidikan Tinggi
6.	Urus Setia	Nama Jawatan Bahagian Kementerian Pendidikan Tinggi

#### 4. TERMA RUJUKAN

4.1. Terma Rujukan JKSD ini adalah seperti berikut :

#### 5. KAEDAH SIASATAN

5.1. Sila nyatakan kaedah siasatan yang dilaksanakan sama ada melalui kaedah temubual, semakan terhadap dokumen-dokumen yang berkaitan, lawatan tapak atau kaedah-kaedah lain yang bersesuaian bagi menyiasat kes ini.

#### 6. PENEMUAN JAWATANKUASA SIASATAN DALAMAN

6.1. Sila nyatakan hasil penemuan jawatankuasa terhadap siasatan yang telah dijalankan berhubung isu ini meliputi aspek perolehan, teknikal, kewangan atau aspek-aspek lain yang berkaitan dengan terperinci.

## **SULIT**

### **7. ULASAN JAWATANKUASA SIASATAN DALAMAN**

- 7.1. Sila nyatakan ulasan jawatankuasa terhadap siasatan yang telah dijalankan dengan terperinci.

### **8. SYOR**

- 8.1. Sila nyatakan syor jawatankuasa berhubung tindakan tatatertib terhadap pegawai-pegawai yang disiasat dan nyatakan dengan jelas peraturan/pekeliling/arahan yang telah dilanggar oleh pegawai-pegawai tersebut. Seterusnya, sila nyatakan dengan spesifik peraturan-peraturan yang telah dilanggar oleh pegawai-pegawai yang disiasat di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

### **9. CADANGAN PENAMBAHBAIKAN**

- 9.1. Sila nyatakan cadangan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan berpandukan kepada Terma Rujukan di Perkara 4.

### **10. KEKANGAN DALAM MELAKSANAKAN SIASATAN**

- 10.1. Sila nyatakan kekangan yang dihadapi dalam melaksanakan siasatan ini dengan terperinci.

### **11. KESIMPULAN**

- 11.1. Sila nyatakan kesimpulan bagi siasatan ini.

### **12. PERKARA-PERKARA LAIN YANG HENDAK DIMAKLUMKAN (jika berkaitan)**

**SULIT**

**13. PERAKUAN JAWATANKUASA SIASATAN DALAMAN**

Disahkan oleh:

---

Nama :  
Jawatan : Pengerusi Jawatankuasa Siasatan Dalaman  
Tarikh :

---

Nama :  
Jawatan : Ahli Jawatankuasa Siasatan Dalaman  
Tarikh :

---

Nama :  
Jawatan : Ahli Jawatankuasa Siasatan Dalaman  
Tarikh :

**SULIT**

**ULASAN DAN SYOR  
KETUA JABATAN/AGENSI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

Saya **MENYOKONG / TIDAK MENYOKONG** agar Laporan Jawatankuasa Siasatan Dalaman ini dikemukakan kepada pihak Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan mengemukakan ulasan seperti berikut:

*\*Nyatakan ulasan dan syor sama ada Ketua Jabatan/Agensi menyokong/ tidak menyokong perakuan tindakan tatatertib terhadap pegawai-pegawai yang disiasat sebagaimana dinyatakan di Perkara 8.1.*

*\*Nyatakan ulasan dan syor sama ada Ketua Jabatan/Agensi menyokong/ tidak menyokong cadangan penambahbaikan diambil tindakan oleh pihak-pihak terlibat sebagaimana dinyatakan di Perkara 8.2.*

---

---

---

---

---

---

---

**(NAMA)**

**Jawatan**

Kementerian Pendidikan Tinggi

Tarikh:



**SULIT**

**KEPUTUSAN  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

Saya **BERSETUJU / TIDAK BERSETUJU** agar Laporan Jawatankuasa Siasatan Dalaman (JKSD) ini diambil tindakan seperti berikut:

Sila nyatakan syor dan cadangan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan sebagaimana contoh di bawah.

Laporan JKSD ini disalurkan kepada urus setia tatatertib untuk tindakan selanjutnya;

Laporan JKSD ini disalurkan kepada Agensi Penguatkuasaan untuk penyiasatan jenayah dimulakan jika terzhahir unsur-unsur kesalahan jenayah;

JKSD ini difailkan tanpa apa – apa tindakan kerana maklumat tidak dapat dibuktikan atau maklumat tidak berasas; atau

Rujuk Agensi Lain

Lain – Lain :

---

---

---

**(NAMA)**

Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Tinggi

Tarikh:

**CADANGAN TERMA RUJUKAN BAGI PENUBUHAN  
JAWATANKUASA SIASATAN DALAMAN (JKSD)  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT)**

Terma rujukan Jawatankuasa Siasatan Dalaman (JKSD) ini adalah seperti berikut:

1. menyiasat dan meneliti segala dokumen/transaksi dalam urusan perolehan/peraturan kewangan/syarat kontrak dan membuat penentuan dari segi sudut pelanggaran peraturan atau akta yang berkuat kuasa;
2. mengenal pasti serta memperincikan salah laku pegawai yang terlibat dalam kes yang dilaporkan;
3. mengenal pasti peranan setiap pegawai yang terlibat;
4. melaporkan pemerhatian lain seperti pelanggaran peraturan lain yang berkaitan dengan isu ini jika ada;
5. mengenal pasti punca ketidakpatuhan terhadap peraturan semasa yang berkuat kuasa;
6. mencadangkan mana-mana pegawai yang terlibat untuk diperakukan tindakan tatatertib;
7. menetapkan syor yang jelas mengenai tindakan penambahbaikan kepada agensi dalam melaksanakan tugas / projek pada masa akan datang;
8. mencadangkan tindakan susulan serta perancangan lanjut yang akan dilaksanakan ke atas isu/projek yang berkaitan; dan
9. menyediakan dan mengemukakan laporan lengkap berserta dokumen sokongan yang berkaitan kepada urus setia untuk dikemukakan kepada Ketua Jabatan untuk ulasan dan seterusnya kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam tempoh masa 45 hari selepas JKSD ditubuhkan.

*\*Terma Rujukan ini merupakan cadangan sahaja dan boleh dipinda/diolah mengikut kesesuaian dengan siasatan yang sedang dijalankan.*

Disediakan oleh :

Unit Integriti  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
13 Disember 2023